



KENYATAAN MEDIA
SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
21 Mac 2020

1. Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam ingin memaklumkan kepada orang ramai mengenai perkembangan terkini jangkitan COVID-19 di negara ini.
2. Pada hari ini, 21 Mac 2020, **5** kes baru telah disahkan dijangkiti COVID-19 yang membawa **jumlah keseluruhan kes di negara ini kepada 83 orang.**
 - Kes 79 berumur 28 tahun adalah kontek kepada Kes 13. Pada awal penyiasatan kontek bagi Kes 13, kes ini telah didapati negatif ujian makmal COVID-19 dan telah menjalani kurantin sejak 12 Mac 2020. Walau bagaimanapun, beliau telah mula mengalami sengal-sengal badan pada 16 Mac 2020 dan oleh itu, telah diatitkan untuk menjalani ujian makmal sekali lagi. Berikutan dengan perkembangan ini, ahli keluarga yang tinggal serumah dengannya juga telah diatitkan untuk menjalani ujian makmal sekali lagi dan tempoh kurantin mereka dilanjutkan.

- Kes 80 berumur 6 bulan adalah kontek keluarga kepada Kes 73. Anak damit ini tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri dan tidak mempunyai sebarang tanda-tanda jangkitan.
- Kes 81 dan Kes 82 adalah merupakan rakan kerja kepada Kes 69. Kedua-duanya tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri. Kes 81 berumur 43 tahun telah mula mengalami demam panas, sengal badan dan batuk pada 14 Mac 2020 manakala Kes 82 berumur 27 tahun mula mengalami sakit kepala pada 17 Mac 2020.
- Kes 83 berumur 45 tahun adalah isteri kepada Kes 71. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negeri dan telah mula mengalami demam panas, mual, muntah dan sakit kepala pada 8 Mac 2020.

3. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa Alhamdulillah, hari ini satu lagi kes yang telah dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan yang telah sembuh dan boleh dibenarkan untuk pulang ke rumah tetapi dinasihatkan untuk membuat pengasingan diri selama 7 hari di rumah. Ini bermakna setakat ini, jumlah keseluruhan kes yang telah sembuh ialah **dua orang**.

4. Kementerian Kesihatan juga ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa kesemua 81 kes yang masih dalam rawatan kini sedang dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. 2 daripada kes tersebut dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin pernafasan tetapi

adalah stabil, 6 kes memerlukan pemantauan rapi dan selebihnya dalam keadaan yang baik.

5. Setakat ini, seramai 1,633 orang sedang menjalani kurantin, menurut Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204, manakala seramai 101 orang lagi telah menamatkan tempoh kurantin dan berkeadaan baik. Sejak awal Januari 2020, sebanyak 2,699 ujian makmal bagi COVID-19 telah dijalankan.
6. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman sesawang Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** (pada bila-bila masa).

- TAMAT -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 26 Rejab 1441H / 21 Mac 2020